

Penswastaan akan diteruskan

RAWANG 8 Sept. — Dasar penswastaan yang diperkenalkan pada penghujung 1980-an akan diteruskan kerana ia mendatangkan manfaat kepada semua pihak termasuk kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, melalui penswastaan, kedudukan kewangan kerajaan tidak lagi menjadi penghalang, sebaliknya semakin kukuh kerana kerajaan tidak lagi perlu mengadakan peruntukan untuk projek dan gaji kakitangan dalam badan berkenaan.

Menurut beliau, pengurusan secara komersil menyebabkan projek selesai lebih awal.

"Kerajaan juga mendapat cukai di mana dahulu tidak ada keuntungan dan tiada ada cukai.

"Kakitangan kerajaan yang tidak terlibat dengan penswastaan pun men-

dapat nikmat daripada pengurangan perbelanjaan kerajaan dan pertambahan cukai yang dikutip," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap merasmikan majlis penyempurnaan Lebuhraya Utara-Selatan di Kawasan Rehat dan Rawat, Rawang di sini, hari ini.

Diplomat

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie, beberapa anggota Kabinet, timbalan-timbalan menteri, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Koh Tsu Koon.

Beberapa diplomat asing juga hadir di majlis tersebut.

Syarikat konsesi untuk membina dan menye-

lenggara lebuhraya itu, Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) menyikapkannya dalam tempoh tujuh tahun bermula dari September 1988.

Projek lebuhraya adalah antara projek kerajaan yang terawal diswastakan.

Dr. Mahathir menjelaskan, rakyat juga mendapat manfaat daripada kemudahan infrastruktur yang siap lebih awal dan pengagihan belanjawan kerajaan, kepada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan subsidi yang lain.

"Pasaran saham dan pelabur kecil dan besar tentu akui akan kesan baik daripada penswastaan.

"Sekarang terdapat banyak syarikat gergasi yang disenaraikan di mana dulu tidak ada," katanya.

Beliau memberitahu, oleh kerana kerajaan memperuntukkan sebahagian besar daripada saham-saham kepada Permodalan Nasional Berhad

(PNB) dan syarikat-syarikat Amanah Saham Bumiputera yang lain, proses penswastaan berjaya menjadikan lebih tiga juta bumiputera sebagai pemilik saham syarikat-syarikat gergasi.

"Oleh kerana sebab-sebab inilah maka kerajaan akan meneruskan dasar penswastaan," katanya lagi.

Kejayaan

Mengenai lebuhraya itu, beliau berkata, pembinaannya bukan sahaja membuktikan kejayaan dasar penswastaan tetapi juga keberkesanan kerjasama yang rapat di antara sektor awam dengan swasta selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia.

Kata beliau, ia membuktikan kebolehan dan kemampuan industri pembinaan tempatan melaksanakan projek-projek raksasa.

"Jelaslah bahawa kita juga mempunyai kepa-

karan serta mutu kerja yang setanding dengan industri pembinaan antarabangsa.

"Projek ini juga menunjukkan kemampuan kita mengurus dan membina sebuah prasarana yang kompleks yang bertaraf antarabangsa dengan menggunakan kepakaran luar negeri di tahap yang minimum sahaja," ujarnya.

Dr. Mahathir juga berkata, projek itu juga berjaya mencungkil bakat perniagaan dan pengurusan bumiputera yang je-

las setanding dengan bumiputera.

"Demikianlah pengiktirafan kepada kebolehan syarikat bumiputera sehingga negara-negara lain tidak ragu-ragu lagi menjemput mereka untuk melaksanakan projek-projek di negara berkenaan," katanya.

Membantu

Perdana Menteri berkata, beliau yakin Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang 847.7 kilometer itu akan membantu pertumbuhan berbagai-bagai

industri termasuk perumahan dan bandar-bandar baru.

Di samping itu kata beliau, laluan lebuhraya amat sesuai untuk kabel telekomunikasi dan kemudahan pelancongan seperti perhentian beristirahat dan motel sepanjang lebuhraya.

"Dengan mengadakan prasarana yang terancang dan bertaraf antarabangsa seperti Lebuhraya Utara-Selatan kita boleh menjimatkan masa dan memudahkan pengangkutan barangan dan penumpang," katanya.

SEP 1994

Dr. M. Privatization

poli